

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : PENUTUP KURSUS KHAS KONTRAKTOR BINAAN BUMIPUTERA SIRI KE 5  
Lokasi : IKRAM, BANGI  
Tarikh : 26-11-1993

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. oleh kerana dengan izin dan limpah kurniannya, saya dapat hadir di majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil Kursus Khas Kontraktor Binaan Bumiputera Siri ke 5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya bagi menyempurnakan majlis ini.

Program kursus ini yang telah dilancarkan oleh Y.A.B.

Perdana Menteri pada 9 Oktober 1992 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu kumpulan kontraktor Bumiputera yang berwibawa, dan untuk memperkukuhkan keupayaan Bumiputera dalam mengurus syarikat, menerapkan etika niaga yang baik serta memupuk sikap positif disamping menyemai semangat dedikasi, ketekunan dan komitmen kepada budaya kerja yang berkualiti di kalangan kontraktor Bumiputera.

Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan dan keistimewaan bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Kerajaan telah mengadakan keistimewaan-keistimewaan tertentu untuk meningkatkan penyertaan kontraktor Bumiputera dalam bidang industri pembinaan. Khususnya Kerajaan telah menetapkan supaya sekurang-kurangnya 30% dari segi nilai kontrak-kontrak Kerajaan diberi kepada Kontraktor Bumiputera. Dengan kemudahan dan keistimewaan yang tersebut bilangan kontraktor Bumiputera yang berdaftar telah meningkat dari 1,911 pada tahun 1970 kepada 16,548 dalam tahun 1990. Walaupun bilangan kontraktor Bumiputera adalah besar, 63.3% adalah dalam kelas F. Kerajaan belum berpuashati dengan penyertaan Bumiputera dalam bidang ini.

Oleh itu Kerajaan telah memutuskan untuk melatih sebilangan kontraktor Bumiputera yang diharapkan akan menjadi kontraktor yang benar-benar berjaya dan berwibawa. Siri kursus ini adalah satu-satunya langkah ke arah ini.

Adalah diharapkan bahawa para peserta sekalian akan memainkan peranan sebagai pelopor dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri binaan.

Saya berharap bahawa tuan-tuan akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan tuan-tuan sebagai kontraktor dan menyiapkan kerja-kerja yang diamanahkan kepada tuan-tuan dengan cekap dan berkualiti. Garispanduan Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa telah dikuatkuasakan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.11 Tahun 1993 baru-baru ini. Sekali lagi Kerajaan telah membuktikan kesungguhannya untuk mewujudkan usahawan Bumiputera dalam bidang industri binaan. Adalah menjadi harapan Kerajaan keistimewaan ini akan dipergunakan dengan jujur, cekap dan amanah.

Dunia koperat perniagaan pada hari ini adalah sangat mencabar. Sesebuah entiti perniagaan perlu peka kepada perubahan dan arus perniagaan yang bersaing dan serba canggih. Antara sumber yang digunakan untuk terus kekal dalam bidang perniagaan ialah memodenisasikan sistem kerjanya yang melibatkan peningkatan teknologi, pembangunan sistem maklumat urusanniaga yang cekap, pengukuhan sumber tenaga manusia, peningkatan kualiti kerja serta mengutamakan pelanggan. Justeru, saya berharap bahawa 'Guild of Bumiputera Contractors' yang dianggotai oleh peserta-peserta kursus ini akan memainkan peranan membantu tuan-tuan mengukuhkan perniagaan masing-masing. Dengan adanya persatuan yang mengutamakan kemajuan ahli-ahlinya, Insyallah bilangan kontraktor Bumiputera berwibawa yang berdaya maju berdaya saing dan berdaya tahan dapat dipertingkatkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya di atas daya usaha yang telah diambil untuk menyelenggarakan kursus dan menyediakan tempat kursus ini di Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) di Bangi ini. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Unit

Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Produktiviti Negara, Kementerian Kewangan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kursus ini.

Saya dengan sukacitanya menutup Kursus Khas Kontraktor Binaan Bumiputera Siri yang ke 5.